



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 28

RABU 11HB JULAI, 1979.

رابعو 15 شعبان 1399

PERCHUMA

DAULAT DULI TUAN PATEK ALLAH LANJUTKAN USIA KEBAWAH D.Y.M.M.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah.

Persiapan2 menyambut Hari Keputeraan DYMM telah di-susun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan2 bagi menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-33 tahun kini sedang giat di-ator di-seluruh negeri. Dengan hanya tinggal empat hari saja lagi menjelang-nya perayaan, Bandar Seri Begawan dan lain2 pekan di-semua daerah telah bertukar wajah dengan pintu2 gerbang mula tersergam indah di-jalanraya2 dan bangunan2 dihias dengan lampu2 yang beranek warna serta bendera2 di-kibarkan di-semua bangunan2 Kerajaan dan firma2 persendirian.

Berbagai acara telah pun di-susun untuk memeriahkan sambutan pada tahun ini. Walau pun sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan itu jatuh pada hari Ahad 15hb Julai, tetapi beberapa acara sambutan telah pun di-jalankan sejak minggu lalu.

Acara kemunchak Sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan di-Daerah Brunei-Muara ialah Perbarisan Kehormatan yang akan di-adakan di-Padang Besar di-sini pada 15hb Julai mulai jam 7.15 pagi.

Perbarisan pada pagi itu akan di-ambil bahagian oleh Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei dan Pasukan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles, Pasukan Panji2 Kebawah DYMM, Panji2 Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasukan Panji2 Polis Diraja Brunei. Gabongan Pencharagam

Pulis Diraja Brunei dan Askar Melayu Diraja Brunei serta Pasukan Tembak Meriam Polis Diraja Brunei juga akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut. Sa-lain dari itu 10 buah pasukan dari pertubuhan2 awam juga akan mengambil bahagian.

Sa-telah selesai Upacara Perbarisan itu, akan diikuti pula dengan Istiadat Mengadap dan Mengornia-kan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran yang akan di-adakan di-Lapau mulai jam 9.30 pagi.

Di-Istiadat itu akan di-mulakan dengan sembah ucapan keshukoran dari raayat dan Kerajaan yang

Lihat muka 20

Pameran Pos dan Setem2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Pameran Pos dan Setem2 Brunei akan di-adakan di-Muzium Brunei sa-lama 11 hari. Pameran yang akan bermula pada 13hb Julai itu di-adakan sa-bagai salah satu acara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun.

Speaker Majlis Mashuarat, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar akan merasmikan serta melakukan pra-tunton pameran itu pada pagi esok, 12hb Julai. Pameran tersebut di-buka kepada orang ramai sa-masa waktu melawat Muzium.

MENYEMBAHKAN TA'AT SETIA



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU



11HB JULAI, 1979

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kerajaan Baginda, yang benar2 terpanchor atau terlahir dari sifat2 yang menghargai perasaan ta'at setia itu.

Memperkatakan ucapan ta'at setia itu, ia-nya tidak cukup hanya sa-takat di-ucapkan dengan lidah sahaja, akan tetapi hendak-nya di-sertai dengan segala usaha dan perbuatan yang berkebaikan, lebih2 lagi untuk menjunjung hasrat dan harapan Baginda dan Kerajaan Baginda. Mithal-nya, kepada penuntut2 kita di-seberang laut, Baginda dan Kerajaan Baginda meyakinkan bahawa penghantaran penuntut2 Brunei ke-seberang laut itu semakin banyak bilangan-nya yang telah mencapai kelulusan pengajian di-berjenis2 lapangan. Apa sebenar-nya yang di-hajati, bukanlah hanya sa-takat bilangan, malahan ia-nya di-segi mutu atau kualiti atau kaliber mereka yang di-hantar itu. Penuntut2 itu juga harus menyedari usaha2 pada menuntut ilmu itu tidak akan berakhir sa-baik2 sahaja sa-seorang itu mencapai kelulusan atau kelayakan, akan tetapi latehan dan juga pengalaman ada-lah sangat mustahak untuk di-praktikkan, menolong mempercepat perkembangan dan kemajuan negeri.

Demikian juga harapan Baginda dan juga Kerajaan Baginda terhadap bakti kita kepada negara, bukan hanya ingatkan keperluan2 diri sendiri, malahan juga mesti-lah di-ingatkan keperluan2 orang lain yang hidup sa-tanah dan sa-kampong. Dalam hal ini ada-lah menjadi harapan Baginda yang perkhidmatan kepada negara itu dari segi perasaan ada-lah kerana Allah dan bukan kerana satu2 tujuan yang terhad pada mendapatkan mata benda, nama dan sa-bagai-nya.

Lebih2 lagi ada-lah menjadi harapan Baginda

menjelang tahun 1983 di-mana negeri kita Brunei akan mencapai kemerdekaan sepenoh-nya. Barang sudah tentu beban tanggung jawab kita akan lebih bertambah berat untuk mengisi kemerdekaan itu di-samping merupakan tahun2 yang penuh dengan chabaran. Tetapi dengan bertawakal kepada Allah s.w.t. Baginda dan Kerajaan Baginda akan berusaha dengan sedaya upaya. Sifat Baginda itu patut kita chontohi kerana menampakkan kejujuran Baginda sa-bagai sa-orang bapa yang ingin melihat kematangan serta kedewasaan anak2-nya itu.

Pada keseluruhan-nya, ada-lah juga menjadi harapan Baginda dan Kerajaan Baginda supaya raayat dan penduduk di-negeri ini terutama pegawai2 Kerajaan Baginda, akan sentiasa memandang jauh ke hadapan dengan berfikir waras dan sadar akan tanggung jawab masing2 terhadap masa depan negeri Brunei yang akan di-warisi oleh keturunan2 yang akan datang supaya berada dalam keadaan aman tenteram dan penuh dengan kejayaan2 yang di-redhai Allah. Kerana masa-lah keselamatan dan kebahagiaan negeri ini ada-lah suatu kewajiban yang mustahak dan juga menjadi tanggung jawab kita untuk mengator serta memperkokohkan-nya dengan sedaya upaya yang boleh dengan sungguh2 penuh kejujuran kerana Allah.

Dari hasrat dan harapan2 Baginda dan Kerajaan Baginda itu tadi, sa-bagai raayat dan penduduk di-negeri ini patut membaharui azam dan tekad bersama2 Baginda dan Kerajaan Baginda bahu-membahu melaksanakan hasrat dan harapan2 itu dan tidak akan menghampa serta mengechewakan-nya atau dengan kata2 lain supaya Baginda dan Kerajaan Baginda TIDAK AKAN TINGGAL ASA-ASAHAN! Raayat dan penduduk di-negeri ini di-seru supaya meletakkan hasrat dan harapan2 Baginda dan Kerajaan Baginda ada-lah lebih dari kepentingan diri sendiri; di-samping membaharui ikrar menyemabahkan ta'at setia kita kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.

DAULAT DULI TUAN PATEK.



Istiadat Berbedak Diraja ia-itu salah satu Istiadat menjelang Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Mulia Pengiran Kamarulzaman telah di-langsang di-Istana Darul Hana dan di-rumah YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali pada malam Sabtu yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta lain2 Kerabat Diraja telah berangkat ka-Istiadat2 tersebut. Gambar kanan kelihatan Duli2 Yang Maha Mulia mencheleki bedak ka-atas YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.

Terdahulu sa-belum itu dua Istiadat telah di-langsang ia-itu Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Istiadat Menerima Pertunangan Diraja seperti kelihatan gambar atas kiri dan sebelah kiri.

Istiadat Persandingan Diraja akan di-adakan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana petang esok, 12hb Julai.



EDUCATION DAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The year's Education Day was officially launched last week at a ceremony held at the auditorium of Radio Television Brunei here.

Officiating at the ceremony was the Attorney-General, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas who earlier inspected a guard-of-honour accorded by school cadets Royal Brunei Malay Regiment and Royal Brunei Police Force outside the RTB building.

At the ceremony students from various schools gave cultural performances which were among the many items in the programme that day.

The Director of Educa-

tion, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, was among those present at the opening ceremony.

The Education Day, the theme of which this year is 'Children's Education is the basis of the country's development', is being observed by schools and colleges throughout the State.

Flower exhibition

TUTONG. — A flower show will be held at the compound of the Agriculture and Forest departments at Bukit Bendera here on July 20.

The show is another item in the Tutong District programme to celebrate His Highness the Sultan's birthday and is open to residents in the district only.

Entry forms are now available from the secretary of the competition, Awang Suhaimi bin Abu Bakar, at the Agriculture Office here.

The forms should be completed and returned to Awang Suhaimi not later than July 17.

Tutong Red Cross

TUTONG. — The Tutong Assistant District Officer, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim last week officially opened the Tutong branch of the Brunei Red Cross Society at a ceremony held at the Sufri Bolkiah English School.

The Assistant District Officer also presented certificates to members of the society which was established six years ago.

Also present at the ceremony was the State Director of Red Cross Associations, Mr Palaniandy and government officials.

Baby Show

TUTONG. — The Tutong branch of the Brunei Women's Institute is organising a baby show as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Tutong District.

The show is for babies aged from four to eight months; eight months plus to twelve months; twelve months plus to eighteen months; and eighteen months plus to twenty-four months.

Entry forms are available from the Tutong health clinic and should be returned not later than tomorrow.

In the Brunei Muara District a domestic science exhibition is being organised by the Pertiwi Association in conjunction with the Sultan's birthday celebrations in the district.

The exhibition will be held at the Youth Centre here on July 20.

Badminton Championships

BANDAR SERI BEGAWAN. — The finals of the Junior Youth Badminton Championships were held last week at the Youth Centre here.

The championships, the third to be organised by the Welfare, Youth and Sports Department, attracted forty-eight teams in the doubles sections and seventy-eight players in the singles sections.

In the boys singles, Awang Asri Abdul Ghafar was first, Tim Koon Yong second and Awang Abdul Hamid Haji Jaafar third.

In the girls singles, first was Dayang Mariani Haji Murni, second was Dayang Hing Moi Leng and third was Dayang Siti Mariani Haji Jaafar.

The boys doubles section was won by Awang Asri and Abdul Hamid with the second and third prize going to Metuddin Metassan and Abd Rahman Jaafar, and Alexander Lee and Lim Hong Chin respectively.

Dayang Mariani and Dayang Siti Mariani emerged champion in the girls doubles forcing Dayang Hong Moi Leng and Dayang Fatimah Suhut to second place, and Dayang Jamilah Haji Ali and Dayang Noriah Damit to third.

Prizes were given away by the Director of Welfare, Youth and Sports Department Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussin

who is seen in the picture handing over a trophy to Awg Abdul Hamid. Behind Pehin Dato Hussin is the Chief Youth and Sports Officer Pengiran Alihassan bin Dato Seri Laila Jasa Pengiran Haji Abas.



Isra' Me'raj celebrations

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Paduka Seri Begawan Sultan Religious Teachers College at Mile One Jalan Tutong last week celebrated Isra Meraj.

The programme included a special talk on Isra Meraj by a Religious Education Officer, and a friendly debating contest between teams from the Paduka Seri Begawan College and the Sultan Hassanah Bolkiah Teachers College in Gadong.

Meanwhile the Temburong branch of the Brunei Women's Institute held a similar celebration at the Dewan Ria in Bangar on Friday afternoon.

Items in the programme included a special talk on the

significance of Isra Meraj by Ustazah Dayang Noriah binte Mohammed, and nashid presentations by BWI members.

Singing, fancy dress contests

BANDAR SERI BEGAWAN. — Singing contests including a traditional one and a fancy dress competition are now being organised as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations in the Brunei and Muara District this month.

The traditional singing contest and fancy dress competition are being jointly organised by the Brunei State Youth Council and the Perwira Association and are open to people in the district only.

The second singing contest is being arranged by the Perangkab Association of Kampong Burong Pingai Berakas.

The contest is open to all residents of the Brunei Muara District, who are fifteen years old and above.

Ladies donate tanks, pumps

KUALA BELAIT. — The Ladies Committee of the Panaga Club in Seria recently donated a water tank and a pump each to Kampong Apak-Apak and Kampong Melilas in the Belait District.

The Chairman of the Committee, Mrs Anne Ball, presented the tanks and pumps to the Head of the Apak Apak Longhouse, Awang Jawa anak Gelayang and the Penghulu of Kampong Melilas, Orang Kaya Laila Kana anak Muding at a brief ceremony held at the compound of the Belait District Office here.

Mrs. Ball said the tanks and pumps were donated to the two Kampongs to provide water to the schools there.

She also disclosed that similar donation will be made to Kampong Buau, also in the Belait District, soon which will be received by the Ketua Kampong, Maling anak Bunda.

Course for office boys

BANDAR SERI BEGAWAN. — Fourteen office boys from government departments last week attended a three-day course at the Training Centre in Jalan Berakas.

During the course, they were given lectures on their respon-

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqir Pengiran Muda Mohammad Bolkiah at the Istiadat Berbedak or Powder Ceremony of his sister Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah who is to be formally married tomorrow to Yang Mulia Pengiran Kamarulzaman bin Yang Amat Mulia Pengiran Pekerna Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali at the Istana Darul Hana where a Bersanding Ceremony will be held at 2.30 pm.



Datin Tinah presenting a trophy to a representative of the SOAS College.

Art, handicraft show

BANDAR SERI BEGAWAN. — The SOAS College and the Berakas English School came first in the senior and junior secondary sections in the State arts and handicrafts exhibition respectively.

The exhibition organised annually by the Arts and Music Section of the Education Department for preparatory and secondary schools in the State was held at the exhibition room of the Language and Literature Bureau here last week.

The exhibition was declared open by Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka

RBMR wants recruits

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Malay Regiment is looking for young men who are interested in joining the regiment as soldiers, artisans and technicians.

The intending applicants — all must be Brunei Citizens — who wish to enlist as soldiers should have at least passed Standard Six in Malay or English.

Those wishing to join the regiment as artisans or technicians should have passed the Brunei Junior Certificate of Education examination, and the General Certificate of Education examination at Ordinary Level in Science, Maths and English.

They can contact the regiment's recruiting teams at the Town Hall here and the Library in Tutong Town on July 18 and 19.

Cadets in S'pore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Fifteen members of the Royal Brunei Malay Regiment's cadet corps are now undergoing a three-week course at Pulau Ubin in Singapore.

The cadets, headed by Second Lieutenant Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim, are from eight schools and colleges in the State.

During the course, the cadets will take part in rock climbing, canoeing and sailing.

Debating contest

KILANAS. — The Anggrek Desa and Dato Godam English preparatory schools in the Brunei Muara District emerged champions in the boys' and girls' sections respectively in the State Preparatory English School Debating Contest held at the Orang Kaya Setia Bakti Malay School hall here last Saturday.

The second prizes in both sections went to the Pangkalan Batu Preparatory English School.

The Penghulu of Mukim Kilanas, Dato Derma Wijaya Haji Tamit bin Aspar, presented the prizes to the winners.

Ten schools from throughout the State took part in the contest which was organised by the Arts and Music Section of the Education Department.

PERTUBOHAN *Freemasonry* mempunyai upacara2 sumpah yang ganjil, sesat dan mengerikan. Daripada isi dan chara sumpah2 itu di-lakukan, kita dapat mengesan-nya sa-bagai jahat, sulit dan tidak jujur. Orang yang bersumpah menjadi ahli di-ancham supaya tidak akan membochorkan rahsia. Jika bochor juga, orang itu akan di-hukum dengan chara yang paling kejam, dengan tidak ada sedikit pun ampun atau ma'af.

Sumpah2 itu ada beberapa macham mengikut taraf keahlian di-dalam Bahagian2, yakni keahlian pertubohan Freemasons itu ada-lah di-bahagikan kepada Bahagian2 (*Degrees*). Tiap2 Bahagian atau Degree itu mempunyai peratoran dan sharat sumpah-nya yang tersendiri. Kerana itu, sa-orang yang menjadi ahli Freemason hanya akan mengenali ahli Freemason yang lain dari Bahagian-nya yang sama dengan-nya sahaja. Sumpah2 mengikut taraf keahlian itu ia-lah:

1. OATH OF NIMROD
Apprentice Degree
(1st) yakni Darjah
Pelateh Pertama.
2. OATH OF THE
FIRST DEGREE,
yakni Sumpah Darje
Pertama.
3. OATH OF THE
SECOND DEGREE,
yakni Sumpah Darjah
Kedua.
4. OATH OF THE
THIRD DEGREE,
yakni Sumpah Darjah
Ketiga.
5. OATH OF THE
ROYAL ARCH
CHAPTER, yakni
Sumpah Diraja Uta-
ma.

Tiap2 satu sumpah mengandongi lafadz2 tersendiri, tetapi semua-nya menuju kepada perasaan persaudaraan ahli2 Mason (*Secret Brotherhood*).

1. Dalam sumpah bagi keahlian Darjah Pelateh Pertama (OATH OF NIMROD), orang yang menjadi ahli hendak-lah bersumpah mengaku tidak akan membochorkan rahsia gerakan Freemasonry, sama ada membochoran itu di-lakukan dengan perkataan (lisan) atau tulisan, dengan chara langsung atau tidak langsung. Barangsiapa jua tidak patoh, berani melakukan membochoran itu akan di-chap khianat dan di-hukum mengikut tradisi purba.

Sumpah ini di-mulai dengan "Saya . . . dengan sa-sungguh-nya bersumpah di-hadapan El-Shaddai . . ." (I . . . do, in the presence of the El-shaddai of this Worshipful Assembly of Free Masons, Rough Masons, Wallers, Slaters, Paviors, Plasterers and Bricklayers, promise and declare that I will not at any time hereafter, by any act or circumstance whatsoever, directly or indirectly, write, print, cut, mark, publish, discover, reveal, or make know, any part or parts of the Trade secrets, privileges, or counsells of the Worshipful Fraternity or of Masonry . . .) dan ditengah2-nya di-masok

Siri ke-42 SUMPANH2 FREEMASONS

kan: "Adapun hukuman kerana membochorkan sumpah yang maha besar ini, ia-lah kehilangan nyawa saya sendiri" (The penalty for breaking this great oath shall be the loss of my life).

Di-bawah tanda tangan ahli yang bersumpah dilafadzkan pula: "Di-lakukan oleh tangan saya dan di-mohorkan dengan bibir saya pada hari ini" (Given under my hand sealed with my lips, this day...).

2. Sumpah bagi keahlian Darjah Pertama (OATH OF THE FIRST DEGREE): Orang yang di-sumpahkan itu akan menggunakan Bible atau Taurat atau Al-Kor'an. Isi-nya ia-lah ikrar tidak akan membochorkan rahsia kepada sa-siapa jua pun. Berikrar mengaku patoh kepada peratoran2, dan jika sa-balek-nya khianat, akan menerima hukuman di-jadikan mangsa bu-rong2 ganas atau binatang2 buas. Antara lain isi sumpah itu: "I . . . , in the presence of the Great Architect of the Universe, and of this worthy, worshipful, and warranted Lodge of Free and Accepted Masons, regularly assembled and properly dedicated, of own free will and accord, do hereby (Worshipful Master touches the Bible, Torah or Kor'an with his left hand) sincerely and solemnly promise and swear, that I will always conceal, and never reveal any part or parts, point or points of the secrets or mysteries of or belonging to Free and Accepted Masons in Masonry"

3. Sumpah bagi keahlian Darjah Ka-dua (OATH OF SECOND DEGREE): Juga dengan uslub atau susunan kata2 yang hampir sama. Chuma ada perbezaan dari segi penamaan Tuhan mereka

dengan menggelarkan-nya sa-bagai *the Grand Geometrician of the Universe* (Ahli Geometry Agong bagi alam ini), sementara dalam sumpah pertama, mereka panggil *the Great Architect of the Universe*. Bible atau Taurat atau Al-Kor'an juga di-gunakan untuk menyumpahkan ahli2.

4. Sumpah bagi keahlian Darjah Ka-tiga (OATH OF THE THIRD DEGREE): Juga dengan menggunakan Bible atau Taurat atau Kor'an serta dengan nama *the Most High* (Yang Maha Tinggi): "I . . . , in the presence of the Most High . . . !" Orang yang bersumpah akan berikrar tidak membochorkan sebarang rahsia pergerakan yakni pertubohan, kepada sa-siapa jua. Patoh mengaku kepada peratoran, dan jika khianat, akan menerima hukuman di-bakar jadi abu hingga tidak dapat di-kesan lagi: "I . . . All these points I solemnly swear to observe, without evasion, equivocation, or mental reservation of any kind, under no less a penalty, on the violation of any of them, than that of being severed in two, my bowels burned to ashes, and those ashes scattered over the face of the earth and wafted by the four cardinal-winds of heaven, that no trace or remembrance of so vile wretch my younger be found among men, particularly Master Masons."

5. Sumpah bagi keahlian Diraja Utama (OATH OF THE ROYAL ARCH CHAPTER): Di-lakukan atas nama *the True and Living God Most High* (Yang Maha Besar dan Maha Tinggi), juga dengan menggunakan Bible atau Taurat atau Al-Kor'an, untuk tidak akan membochorkan rahsia pertu-

bohan kepada sa-siapa jua di-dunia ini, dan kira-nya berlaku pengkhianatan membochorkan-nya, maka orang itu akan di-hukum panchong: "I . . . All these points I solemnly swear to observe, without evasion, equivocation, or mental reservation of any kind, under the no less penalty on the violation of any of them, than that of suffering loss of life by having my head struck off."

CODE2 RAHSIA FREEMASONS

Majalah Pengasoh bilangan 425 keluaran Sha-ban/Ramdzan 1397 bersamaan Ogos 1977, ia-itu sa-buah majalah bulanan keugamaan yang boleh dianggap tua juga telah menerangkan atau mengulas beberapa perkara yang terdapat di-dalam sumpah2 Freemasons itu. Antaranya berkenaan lambang atau kod2 (code) tertentu yang di-gunakan oleh pertubohan ini bagi merahsiakan beberapa perkara. Antara kod2 itu terdiri dari perkataan2 seperti *Mason* (tukang batu), *Free Mason* (tukang batu bebas), *Rough Mason* (tukang batu kasar), *Waller* (pembuat dinding), *Pavior* (tukang buat seperti jalan atau sa-umpama kaki lima), *Plasterer* (tukang pelaster atau tukang tam-pal simin), *Bricklayer* (tukang susun batu) dan lain2 lagi. Masing2 itu adalah untuk membedakan peranan atau tugas2 tiap2 ahli dalam hal2 yang bersangkutan dengan kemasyarakatan, ugama, politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan lain2.

Demikian juga pertubohan ini di-sebut sa-bagai mempunyai bahasa rahsia-nya (*cryptic language*) untuk menutupi kegiatan dan rahsia2-nya dari orang ramai.

FREEMASONS DAN UGAMA

Dalam perkara keperchayaan, pertubohan ini nampak-nya sa-olah2 memperchayai ugama, atau sa-olah2 menghendaki supaya pengikut2-nya perchaya kepada Tuhan. Na-

ma *EL-SHADDAI* ia-lah yang mula2 di-gunakan. Perkataan ini berasal dari bahasa Siryani (Syriac) atau kalimat 'Ebrani' (Hebrew) yang bermakna "Tuhan Maha Kuasa" atau God Almighty. Tetapi di-samping itu ada lagi beberapa nama lain yang lebih panjang sebutan-nya, seperti chontoh-nya telah di-sebut di-atas.

Dari nama2 kitab yang di-gunakan untuk bersumpah, nyata-lah pertubohan ini menerima apa jua gulungan untuk menjadi ahli-nya, termasuk-lah orang2 Islam. Tetapi sa-tahu kita, ia tidak mempunyai konsep ketuhanan yang tegas. Ia hanya meniru-niru ugama, atau chuba menimbulkan sa-suatu yang sa-akan2 berbau keugamaan melalui penggunaan2 istilah seperti: *Worshipful*, *Worshipful Assembly Master*, *Worshipful Brother* dan lain2.

Semua penganut2 ugama, baik ia Yahudi, Nasrani, Islam, Buddha dan lain2 lagi, mereka itu di-kumpulkan di-dalam sa-buah *Lodge* (Rumah Hantu menurut istilah orang sekarang) atau beberapa buah *Lodge*, atau *Masonic Hall* atau *Masonic Temple*. Di-sini-lah mereka di-persaudarakan dalam bentuk *fraternity* yang penoh rahsia.

APA-KAH YANG ADA DI-DALAM LODGE? BAGAIMANA CHARA-NYA TIAP2 AHLI MENGANGKAT SUMPANH? Jika mengikut isi ikrar atau lafadz sumpah itu, ada-lah ia di-lakukan dengan menggunakan Kitab2 termasuk Al-Kor'an. Bagaimana-kah chara-nya Al-Kor'an di-perlakukan? Siapa yang memegang-nya? Jika *Master Mason* atau *Worshipful Master* orang kafir dan ia menjamah Al-Kor'an dengan tangan-nya, apa pula hukumannya?

Kemudian chuba perhatikan pula, nama sumpah pertama di-atas (OATH OF NIMROD) yakni Sumpah Nimrod, atau dalam bahasa Arab-nya, *NAM-ROD*. Namrod itu ia-lah nama Maharaja Mushrik penyembah berhala, yang memerintahkan Nabi Ibrahim Alaihissalam di-humbankan ka-dalam api. Apakah maka sumpah itu di-namakan Sumpah Namrod, Maharaja Mushrik, sa-orang penyembah berhala yang kafir lagi kejam itu? ADA-KAH TIDAK MUNASABAH PEMILEHAN NAMA ITU DENGAN TIA-DA TUJUAN APA2. Ada-kah di-antara tujuan-nya untuk menarek manusia kepada *shirik* dan *kufur*? Atau suatu perlembagaan bahawa pertubohan ini ada-lah sa-buah pertubohan yang menghalalkan kekejaman, asal sahaja tujuan-nya terchapai? Atau kedua2-nya sekali?

(BERSAMBONG)

oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA



HJ. AZIZ JUNE

ALLAH s.w.t. berfirman sa-bagaimana termaktub di-dalam Al-Kor'an dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 yang antara maksud-nya ia-lah:

Pertama: Allah menyerukan supaya orang2 Islam tidak bakhil pada membelanjakan harta benda demi memperjuangkan keta'atan kepada Allah, atau demi melaksanakan surohan-Nya dan perkara2 yang di-haruskan oleh Allah.

Kedua: Allah menyerukan supaya orang2 Islam jangan melimpahkan diri mereka kepada benchana dan kebinasaan akibat perbuatan mereka sendiri.

Ketiga: Allah mengingatkan supaya orang2 Islam dalam berkorban harta benda dan jiwa raga atau dalam melaksanakan perkara2 yang di-suroh. Dan di-haruskan oleh Allah itu hendak-lah senantiasa berpegang kepada dasar2 ihsan, ia-itu senantiasa mengutamakan perbuatan2 yang berkebaikan, atau pun senantiasa bersangkaan baik terhadap Allah s.w.t.

Keseluruhan makna dan maksud firman Allah itu tadi ia-lah menyerukan supaya orang2 Islam senantiasa berkesanggupan untuk berkorban harta benda serta jiwa raga demi mempertahankan keselamatan diri mereka, akidah mereka, dan tanah ayer mereka dari sa-barang an-chaman, dari sa-barang ke-chemaran, bahkan dari sa-barang rupa penguasaan musuh2 U gama Allah ka-tas diri, akidah serta tanah ayer mereka. Jika ke-sanggupan yang sa-demi-kian itu sudah tiada lagi di-sanubari orang2 Islam, atau ia-nya sudah kabur atau semangat mempertahankan diri, akidah dan tanah ayer itu sudah luntor, akidah sikap tidak ambil pusing akan kepentingan2 maruah diri sa-bagai orang Islam, tidak pedulikan keteguhan akidah sa-bagai orang Islam, dan tidak menghiraukan kedaulatan tanah ayer sa-bagai tapak kedaulatan U gama Islam, maka yang sa-demi-kian itu di-kira sa-bagai perbuatan yang membinasakan diri sendiri.

Jangan-lah di-antara kita bersangkaan bahawa oleh kerana Allah melarang atau menegah kita daripada membinasakan diri sendiri, maka larangan-nya itu di-takwilkan sa-kehendak2 hati bagi apa yang konon-nya selalu disebut2 sa-bagai berfahaman dan bersikap sederhana atau "Bertolak ansur". Memang-lah berse-dherhana dan bertolak ansur itu di-suroh oleh Allah pada perkara2 tertentu tetapi bukan-lah pada perkara2 yang melibatkan maruah diri sa-bagai orang Islam, keteguhan akidah sa-bagai orang Islam serta kedaulatan tanah ayer sa-bagai tanah ayer Islam. Bahkan sa-balik-nya bersederhana dan bertolak ansur dalam perkara2 itu-lah sa-benar-nya di-sifatkan sa-bagai membenchana atau membinasakan diri sendiri

yang di-larang oleh Allah itu.

Kerana menurut riwayat, firman Allah yang disebutkan tadi di-turunkan dalam suatu kes di-mana sa-tengah orang2 Islam dari golongan Ansar telah merasakan mereka sudah banyak berkorban harta benda bahkan jiwa raga dalam menolong nabi Muhammad s.a.w. menegakkan U gama Islam, dan u gama itu sudah pun tegak dan sudah pun ramai pengikut2-nya serta penyukong2-nya, maka pada anggapan mereka sampai lah masa mereka berhenti d a r i p a d a meneruskan khidmat bakti menolong menegak dan memperjuangkan serta mempertahankan U gama Islam, tugas-nya sampai-lah waktu-nya bagi mereka tidak lagi perlu keluar berjihad melawan musuh2 mereka, sa-balik-nya mereka tinggal berdiam diri dengan menumpangkan perhatian kepada menchari harta bagi menebus harta yang mereka sumbangkan sa-belum-nya, dengan demikian itu kedudukan mereka dari segi kebendaan akan kokoh sa-mula.

Perasaan atau anggapan mereka sa-demi-kian itu meski pun tidak di-ketengahkan kepada Rasulullah s.a.w., tetapi Allah s.w.t.

maha mengetahui lalu turunkan-lah firman-Nya menyuruh mereka jangan walang daripada terus membelanjakan harta benda pada sabilullah, jangan enggan pada mempertahankan jiwa raga demi mempertahankan dan menegakkan U gama Allah — yang mana dengan chara itu-lah mereka terselamat daripada di-kalahkan dan di-kuasai oleh musuh2 mereka, tegas-nya dengan semangat berkorban harta benda dan jiwa raga itu-lah mereka akan terhindar daripada kebinasaan, ia-itu kebinasaan maruah diri, keteguhan akidah dan kedaulatan tanah ayer mereka.

Oleh yang demikian, insaf-lah wahai kaum muslimin, bahawa menghindarkan diri daripada terjatuh kepada benchana

dan kebinasaan itu bukanlah maksud-nya dengan chara menghindarkan diri daripada terlibat terus dalam usaha menegak dan mempertahankan U gama Allah lalu harus bersikap sederhana dan tolak ansur.


Dan insaf-lah juga bahawa Allah telah menyeru orang2 Islam pada zaman Nabi s.a.w. supaya terus melibatkan diri d a l a m usaha2 menegak dan mempertahankan U gama Islam pada hal U gama Islam pada waktu itu telah kokoh, maka apa-tah lagi sekarang ini di-mana U gama Islam sedang dalam peringkat di-kuatkan semula, tentu-lah seruan Allah itu sa-makin patut di-sambut demi keselamatan dan kesejahteraan yang sa-benar-nya bagi masa sekarang dan anak chuchu kita di-masa hadapan.

Insaf-lah, bahawa kita telah di-korniakan Allah nikmat Islam dan iman, tanah ayer kita telah diberkati Allah dengan chara keberkatan Islam. Pelihara-lah terus nikmat itu, dan pohonkan-lah serta usahakan-lah terus keberkatan itu dengan penoh keinsafan bagi keselamatan yang sa-benar2-nya menjamin kesejahteraan sa-genap isi Darussalam ini. Tabah sabar-lah pada merempohi atau di-rem-pohi oleh apa jua chobaan dalam memelihara keselamatan maruah diri sa-bagai orang Islam. Keteguhan akidah sa-bagai orang Islam, kedaulatan tanah ayer sa-bagai tapak kedaulatan Islam, kerana ketabahan dalam perkara2 itu sa-sunggoh-nya ada-lah sa-bahagian daripada perkara2 yang berkemuliaan.

TABAH MEMELIHARA KHUTBAH JUMAAT MARUAH SA-BAGAI ORANG ISLAM



KELIHATAN barisan qari dan qariah membaca Al-Kor'an perangkat sa-negeri tahun 1979 (gambar atas dan bawah) sa-jurus sa-telah istiadat menyampaikan hadiah2 kepada peserta di-sempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada malam Jumaat, 29hb Jun lepas. Sa-ramai enam orang qari dan enam orang qariah seluruh negeri turut bertanding termasuk dua orang johan menanti pada tahun lalu. Johan qari tahun ini jatuh kepada Haji Awang Damit bin Haji Kawang dan qariah jatuh kepada Dayang Hajjah Masni binte Haji Abdi Manaf. Kedua2 mereka di-jangka akan mewakili negeri ini ka-pertandingan membaca Al-Kor'an perangkat antarabangsa yang akan di-langsungkan di-Kuala Lumpur lewat Ogos depan.



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 11hb Julai, 1979 hingga ka-hari Selasa 17hb Julai, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
11hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55 6.13
12hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55 6.13
13hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55 6.13
14hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55 6.13
15hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55 6.13
16hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56 6.14
17hb	Julai	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56 6.14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Jadual Ujian Lisan

Sijil Am Pelajaran

S'pura-Cam. 'O' dan 'A'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei telah menyusun jadual Ujian Lisan Bahasa Inggeris Sa-bagai Bahasa kedua bagi chalu2 Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cam-bridge Peringkat 'O' dan 'A' (Aliran Melayu) 1979.

Lapan buah sekolah di-seluruh negeri telah di-pilih sa-bagai pusat peperiksaan bagi Ujian Lisan itu.

Ujian bagi chalu2 Peringkat 'O' akan di-jalankan di Sekolah Menengah Melayu SMJA dari 31hb Julai hingga 15hb Ogos

dan Peringkat 'A' dari 21hb Ogos hingga 30hb Ogos di-tempat yang sama.

Di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah akan di-adakan ujian Peringkat 'O' selama dua hari 6hb dan 7hb Ogos, 1979. Ujian bagi Peringkat 'O' juga akan di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah pada 14hb Ogos, 1979.

Ujian lisan bagi Peringkat 'O' juga akan di-adakan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan /Sekolah Sains dari 31hb Julai hingga 4hb Ogos, 1979.

Pusat tingkatan Enam. Gadong juga akan menjadi pusat Ujian Lisan bagi Chalu2 Peringkat 'O' dari 7hb Ogos hingga 13hb Ogos dan Peringkat 'A' dari 21hb Ogos hingga 27hb Ogos.

Chalu2 di-Daerah Tutong akan menjalani Ujian Peringkat 'O' di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dari 31hb Julai hingga 2hb Ogos, 1979.

Chalu2 di-kawasan Seria akan menjalani Ujian di-Sekolah Menengah Melayu Mohd Alam, Seria. Ujian bagi Peringkat 'O' akan di-jalankan dari 4hb hingga 6hb Ogos dan Peringkat 'A' dari 28hb dan 29hb Ogos, 1979.

Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait akan di-jadikan pusat peperiksaan bagi Peringkat 'O' dari 6hb Ogos hingga 8hb Ogos, 1979.

Semua ujian lisan itu akan di-jalankan dari 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Perlawanan

chator

PEKAN TUTONG. — Perlawanan chator bahagian perseorangan yang di-anjurkan oleh Badan Sementara Chator Tutong sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi Daerah Tutong telah bermula pada 1hb Jun yang lalu. Sa-ramai 27 orang pemain menyertai perlawanan tersebut.

Perlawanan yang berdasarkan sistem 'Swiss' tujuh pusingan itu, telah di-bahagikan kepada dua bahagian — bahagian dewasa dan remaja.

Johan bahagian Dewasa akan menerima Oskar rebutan yang di-hadiahkan oleh YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibol Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sementara Bahagian Remaja akan menerima sa-buah Perisai dari YB Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukman bin Uking.

Perlawanan akhir bagi kedua bahagian itu akan di-langsungkan di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah pada hari jumaat 13hb Julai jam 8.30 pagi.

KANAK-KANAK ! BUKA MATA KAMU

PERHATIKAN dengan teliti dua buah kereta perisai Scorpion yang berlainan jenis dan menjadi tetamu sa-hari suntok kepada Pasokan Perisai. Beramah mesra dengan pegawai2, menaiki kereta Scorpion, menembak dengan meshen-gun dan memenangi 'T' shirt Scorpion.

Peraduan ini terbuka kepada semua kanak-kanak di-luar Daerah Tutong yang berumur 16 tahun ka-bawah.

Scorpion pertama

AMD No.

Tarikh Masa Tempat

Scorpion Kedua

AMD No.

Tarikh Masa Tempat

Nama

Alamat Umur

Borang ini hendak-lah di-hantar kepada Pegawai Pemerintah, Pasokan Peninjau, Askar Melayu Diraja, Perkhemahan Tutong, Brunei, tidak lewat dari 8hb Ogos, 1979.



MALAM DUA PERSEMBAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan AS-TERAWANI akan mengadakan Malam Amal dengan persembahan pentas dan filem untuk memungul derma bagi Tabong Anak2 Yatim dan Tabong Persatuan tersebut.

Malam Dua Persembahan itu akan di-adakan dua malam berturut2 — 16hb dan 17hb Julai di-Pusat Belia. Dua persembahan akan di-adakan sa-tiap malam — 7.15 malam dan 9.30 malam.

Persembahan pentas akan di-penohi dengan nyanyian gabungan artis2 dalam dan luar negeri. Pelawak yang pernah menyandang gelaran Johan Bakat TV Mahadi dan Jelut-nya akan bersama2 M. Nordin, S. Ros dan Fatimah Haji Salleh akan menghiburkan penunton pada malam itu.

Sa-lepas persembahan pentas, Penunton akan dapat menyaksikan sa-buah filem Indonesia berjudul 'Penumpas Perdagangan Sex'.

Tiket2 untuk menunton yang berharga \$5.00, \$4.00, \$3.00 dan \$2.00 boleh di-beli dari ahli2 ASTERAWANI dan di-pusat Belia sa-masa pertunjukan malam tersebut.

Berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Wardar Penjara telah bertolak ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untuk mengikuti kursus mengenai chara2 menjalankan hukuman dera. Kursus sa-lama dua minggu itu akan di-jalankan di-Jabatan Penjara Singapura.

Mereka itu ia-lah ketua Wadar Pg Metussin bin Pg Haji Momin, Sarjan Wader Md Yusof bin Asan dan Koprak Wadar Awang Musa bin Haji Metussin.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 5hb Julai 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN :

1. UDANG KERING — \$5.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur.
2. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ghee Guan,
No. 4, Jalan McArthur.
3. KITCHAP (Chap Golden label) — \$1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Hoek Huat,
No. 62, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT :

1. UDANG KERING — \$5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
2. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Teo Hing Hng,
No. 45, Jalan Pretty.
3. KITCHAP (Chap Golden label) — \$1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Foh Soon,
No. 60-A, Jalan Pretty.
b) Yun Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Raya.

c) Ng Ming Hong,
No. 2 Bangunan Dewan
Perdagangan China.

SERIA :

1. UDANG KERING — \$5.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chin Siong Hin,
No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KITCHAP (Chap Golden Label) — \$1.60 sa-botol boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Yick Fatt,
No. 36, Jalan Sultan Omar Ali.
d) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
e) Yuan Ho Hing,
No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
f) Soon Kheng,
No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 14hb hingga 18hb Julai, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	14.7.1979	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	14.7.1979	Sabtu	3.15- 4.15 ..
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	14.7.1979	Sabtu	4.30- 5.30 ..
Sekolah Melayu Sungai Hanching	*16.7.1979	Isnin	3.00- 4.00 ..
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	*16.7.1979	Isnin	4.30- 5.30 ..
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	17.7.1979	Selasa	9.15-10.15 ..
Sekolah Melayu Anggerek Desa	17.7.1979	Selasa	10.30-11.30 ..
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	18.7.1979	Rabu	8.30- 9.30 ..
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	18.7.1979	Rabu	9.45-10.45 ..
Sekolah Melayu Masin	18.7.1979	Rabu	11.00-12.00 T. Hari

PERINGATAN : 16hb Julai, 1979 — Chuti Hari Keputeraan D. Y. M. M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (sa-bagai ganti hari Ahad 15hb Julai, 1979)

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 11HB JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK —
"Spectre of the Gun"
Kapitan Kirk, Mr Spock dan McCoy
terperangkap dalam satu perkelahian
yang bersejarah di-"O.K. Corral" sa-
bagai balasan terhadap mereka kerana
membuat kachau di-sa-buah tempat
yang "tidak di-benarkan untuk me-
nyeberang" tanpa memberi isyarat.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 BOTANIC MAN —
"Extinction is Forever"
Kura2 yang berukuran besar dari
Aldabra di-Lautan India telah mem-
pelajari golongan pertama dari per-
kembangan kehidupan walau pun ka-
dang2 perkara ini telah di-fikirkan sa-
chara kasar. Walau pun begitu kura2
ini tidak hidup lagi lebih dari yang
boleh di-ulas mengenai burung Dodo
sa-jenis burung asli di-Mauritius.
7.40 AGAINST THE WIND —
"Tree of Liberty"
Bila Dinny di-hantar ka-sa-buah pen-
jara di-Casle Hiu dia terlibat dalam
ranchangan2 untuk mengadakan pem-
berontakan.
7.53 AZAN ISHA
7.57 AGAINST THE WIND —
sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK :
Celebrity Concert
"Burt Bacharach"
9.55 PERLAWANAN GUSTI
10.45 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 12HB JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO — "The Android
Invasion"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 HIDAYAT
7.40 LOU GRANT — "The Judge"
Sa-buah kes pembunuhan telah mem-
buatkan Lou Grant untuk pergi mem-



BURT Bacharach, penyanyi yang akan meng-
hiburkan awda dalam Show of The Week,
pada malam ini jam 9.05.

buat penyiasaan tentang tingkah-laku
sa-orang hakim tua yang di-shakki.

- 7.53 AZAN ISHA
7.57 LOU GRANT — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU :
"Struggle for Survival"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 13HB JULAI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KORG — "The Ancient One"
Korg dan kaum sa-bangsa-nya mem-
pelajari chara2 memburu yang ber-
nilai dari sa-orang tua yang telah di-
tinggalkan di-belakang sa-bagai sa-
orang yang tidak berguna oleh kaum
bangsa-nya sendiri.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE OWL SERVICE
6.30 HUNTER'S GOLD —
Bahagian kelima
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 HUNTER'S GOLD — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 MORK AND MINDY —
"Mork's Night Out"
Mork dan jiran-nya Biekeley menemui
sa-suatu yang lebih menakutkan dari apa
yang mereka harapkan bila mereka
keberatan untuk memilih sa-buah
kedai minum untuk berpesta sa-chara
besar2an buat semalaman dan mereka
di-pungut oleh dua orang wanita yang
kebingungan.
7.40 THE GENERATION GAME
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE GENERATION GAME —
sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC
SHOW
9.30 MRS COLUMBO — "A Puzzle for
Prophets"
10.20 THRILLER — "The Colour of
Blood"
11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU - 14HB JULAI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE ADVENTURES OF
GULLIVER — "Gulliver's Challenge"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 PERSEMBAHAN PENCHARAGAM
POLIS DIRAJA BRUNEI
7.40 DALLAS — "The Outsider"
Ray Krebbs bertemu dengan Donna
McCullum, sa-orang wanita muda di-
sa-buah kedai minum dan mereka ter-
tarek di-antara satu sama lain — ke-
chuali Donna terang2an tidak mene-
rangkan hal2 mengenai diri-nya, isti-
mewa sekali kenyataan-nya yang dia
sudah berkahwin.
7.53 AZAN ISHA
7.57 DALLAS — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARKY AND HUTCH
9.55 PREMIER SOCCER
10.55 TAYANGAN MALAM MINGGU —
"There's a Girl in My Soup"
Sa-buah filem komedi dan di-antara
pelakun2 utama-nya ia-lah Peter Sell-
ers dan Goldie Hawn.
12.15 SIARAN TAMAT.

AHAD - 15HB JULAI,

HARI PUJA USIA KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG
DIPERTUAN NEGERI BRUNEI



GOLDIE Hawn dan Peter Sellers membintangi tayangan malam minggu kali ini, sa-buah
filem komedi yang berjudul "There's A Girl In My Soup".

SEBELAH PAGI

- 7.45 UPACHARA PERBARISAN PUJA
USIA KEBAWAH DYMM (Siaran
langsung)
9.00 THE KARILANGAN DANCERS
9.45 PERTANDINGAN NYANYIAN
AMATOR ASIA — Peringkat Akhir
(Siaran ulangan)

TENGAH HARI

- 12.15 GYMNASIIC SPECIAL :
"Champions All".
12.45 SIARAN TAMAT.

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
3.01 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
3.13 SUSUNAN RANCHANGAN
3.15 CHILDREN'S SPECIAL —
"What's In A Puppet"
3.30 DOUG HENNING'S WORLD
MAGIC WITH GLEN CAMPBELL
4.30 AMERICA V THE WORLD
CIRCUS CHALLENGE
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL —
"Pakaian"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUB-
BIDGE — "Hypnosis"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CAPTAIN CAVEMAN AND
MYSTERY ISLAND —
Sue terperangkap di-dalam sa-buah
gua di-mana dia di-ubah menjadi sa-
orang puteri.
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SCIENCE INTERNATIONAL —
sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE SOUND OF PETULA
7.40 RETURN OF THE SAINT
"The Murder Cartel"
7.53 AZAN ISHA
7.57 RETURN OF THE SAINT —
sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 BANGSAWAN : Julia Juli Bintang
Tiga — Bahagian pertama
9.30 UPACHARA KEMUNCIK HARI
PERAYAAN PERBARISAN PUJA
USIA DYMM (Siaran Ulangan)
10.30 HOLLYWOOD SPECIAL :
"Focus on Hollywood"
11.00 THE SAWASDEE
11.30 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 16HB JULAI,

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
3.01 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
3.13 SUSUNAN RANCHANGAN
3.15 CHILDREN'S SPECIAL — Five
Weeks In A Baltoon
4.00 SUPERSTUNTS

RENGKASAN BERITA

- 6.00 LITTLE HOUSE ON THE
PRAIRIE
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 LITTLE HOUSE ON THE
PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 POT BLACK
7.40 ROOTS : The Next Generations
7.53 AZAN ISHA
7.57 ROOTS : The Next Generations —
sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.10 JULA JULI BINTANG TIGA —
Bahagian kedua.
9.55 VEGAS
10.45 BLACK SHEEP SQUADRON —
"The Show Must Go On. . . .
Sometimes"
11.35 SIARAN TAMAT.

SELASA - 17HB JULAI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 DICK TURPIN —
Siri baru untuk adek2.
6.30 BATTLE OF THE PLANETS —
"Attack of the Space Terrapin"
Siri terbaru.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 BATTLE OF THE PLANETS —
sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

- 7.10 MUDA BELIA
7.40 FLYING HIGH —
"Bride and Grooms"
Pemandu kapal terbang 'Sunwest' Doug
March bertemu semula dengan saha-
bat lama-nya — Reggie Weston, sa-
orang yang kaya. Dia di-undang un-
tuk menghadiri jamuan di-rumah
Reggie yang mewah, di-mana kawan2-
nya hampir2 bergaduh di-sebabkan
oleh sa-orang perempuan.
7.53 AZAN ISHA
7.57 FLYING HIGH — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOCUMENTARY —
Exploration and Adventure —
"Land of Mist and Fire"
Sa-buah filem yang menakutkan dan me-
naajubkan tentang pengembaraan di-
kawasan ayer batu di-Amerika Sela-
tan.
10.15 MAN UNDERCOVER —
"Nightwork"
11.05 SIARAN TAMAT.



AWANG Mohd. Said Rahmat kelihatan sedang berlagak dan menunjok ajar salah sa-orang penari yang sedang menjalani lathan tarian.

M.R. Said — Guru Tari RTB

BARU-BARU ini RTB telah mendatangkan sa-orang guru tari yang berpengalaman dari Republik Singapura. Beliau ia-lah Awang Md. Said Rahmat atau lebih dikenali oleh rakan2-nya di-Singapura sa-bagai M. R. Said.

Awang Md. Said sememangnya berjiwa seni, kerana ia datang dari keluarga seniman. Ibu-nya ada-lah salah sa-orang seniwati Veteran, ia-itu Allah-yarhamah Hajjah Saamah dan ayah-nya ia-lah salah sa-orang ahli pencharagam dan pemain terompot dan penggubah lagu, ia-itu Rahmat Ali.

Di-antara lagu2 chiptaan Rahmat Ali, ia-lah Madah Pujangga nyanyian Biduanita Saloma (yang sekarang ini digelar Biduan Negara). Lagu Madah Pujangga pada satu masa dalam tahun2 60an dulu mendapat sambutan hangat di-kalangan masyarakat peminat seni suara.

Tak hairan-lah jika di-katakan Awang Md. Said berkebolehan dalam bidang seni, kerana sa-bagai yang telah di-katakan tadi, ia datang dari keluarga seni. Abang2-nya kesemua-nya pemain muzik, kakak serta adek2-nya, termasuk seniwati, penyanyi dan penari Rahmah Rahmat, sa-orang bintang filem yang pada satu masa dulu banyak peminat-nya.

Awang Md. Said telah bergerak dalam bidang seni, semenjak di-bangku sekolah lagi. Mula2 mencheborkan diri sa-bagai sa-orang seni profesional, ia-lah dalam tahun 1963, bila beliau memasuki kumpulan SRIKANDI BANGSAWAN. Sa-lepas itu beliau memasuki kumpulan penari2 SHOW BROTHERS. Dalam kumpulan ini-lah beliau di-berikan tugas yang berat dan di-beri peluang bagi menunjokkan kebolehan-nya, untuk menchipta beberapa buah tarian dalam filem ANAK BULOH BETONG dan filem LAMPONG KARAM.

Kemudian bersama2 dengan adek2-nya, beliau memasuki kumpulan SRIWANA. Dalam kumpulan ini-lah Md. Said mendalami lagi pengalaman dalam bidang tari-menari. Untuk mendapatkan pengetahuan dan meluaskan pengalamannya, beliau turut memasuki kumpulan Seniwati Normadiyah, ia-itu kumpulan FANTASY DANCERS. Lima tahun kebelakangan ini beliau telah menubuhkan kumpulan-nya sendiri yang di-kenali sa-bagai kumpulan SARI REVUE. Kumpulan ini telah menjelajah keseluruh Malaysia, Indonesia dan juga Brunei. Pada

tahun 1975 beliau telah di-berikan kesempatan menari di-sa-buah filem keluaran ITALY bersama kawan-nya KABIR BEDI, filem tersebut berjudul SANDOKAN THE PIRATE.

Kini Awang Md. Said ditempatkan dalam bahagian Penerbitan Rancangan Talivishen Brunei dan akan melateh anak2 tempatan dalam arena seni-tari. Masa ini RTB telah pun mengumpulkan beberapa orang muda-mudi tempatan yang berminat dalam bidang seni-tari. Dengan kedatangan beliau menjadi anggota RTB, mudah2an mutu persembahan rancangan hiburan khas-nya persembahan tarian2 Melayu akan lebih baik lagi.

Dengan ada-nya beliau menjadi anggota RTB, maka pehak penerbitan rancangan2 Talivishen akan menubuhkan sa-kumpulan penari2 kebudayaan Melayu. Satu kursus tari-menari akan di-adakan. Kursus tari-menari ini, tidak di-kenakan apa2 bayaran dan ada-lah terbuka kepada muda belia tempatan, lelaki dan wanita yang berumur 15 tahun ka-atas.

Kursus ini nanti akan di-da-

kan pada sa-tiap hari Jumaat dan Ahad dari jam 2.00 petang hingga 6.00 petang. Satu temu-uji akan di-adakan di-RTB. Awda yang terpilih nanti akan di-beri peluang mengambil bahagian dalam persembahan hiburan terbitan RTB.

Jika keadaan memaksa, untuk membuat sa-suatu tarian yang akan di-jadikan rancangan, ada kemungkinan lathan2 akan di-jalankan pada sebelah malam.

Sa-siapa yang ingin mengembangkan minat dalam bidang seni-tari Melayu ini, sila-lah mengisikan borang yang di-sediakan atau tulis-lah surat kepada alamat yang di-sebutkan di-bawah ini, dengan menyertakan sa-keping gambar awda yang terbaharu sekali.

JURUTARI RTB:


Awang Md Said Rahmat
Bahagian Penerbitan
Rancangan Talivishen
Tingkat 3,
Radio Talivishen Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Segala surat2 dan borang2 ini, mesti-lah sampai kemeja Jurutari tidak lewat dari 24hb Julai, 1979.

Awg Metussin Siswazah minggu ini

AWANG Metussin bin Omar, siswazah minggu ini lulus dari Universiti Malaya dengan ijazah B.A. Anthropology / Sociology. Untuk mengetahui cherita2 mengenai pengalaman beliau semasa menimba ilmu pengetahuan ikutilah siaran-nya pada hari Jumaat 13hb Julai 1979 jam 7.30 malam dan ulangannya pada hari Sabtu 14hb jam 1.00 tengah hari.

Gambar kanan kelihatan Awang Metussin (Archeologist) sedang menunjokkan salah satu daripada barang2 purba yang di-temui dari kesan sejarah2 lama di-negeri ini.



PENERBIT rancangan Tetamu Minggu Ini Md. Ali Majid (berdiri) sedang mengawasi rakaman rancangan tersebut di-studio RTB. Dalam gambar atas kelihatan Tetamu Minggu Ini Awang Hussin Haji Tuah sedang di-temu ramah oleh Mohd. Noor Mohammad.

"There's A Girl in My Soup" Tayangan gambar malam minggu

TAYANGAN Malam Minggu: A Girl In My Soup mengesahkan orang pakar masak2an yang terkenal antarabangsa Robert B. (Peter Sellers) juga menganggap sa-orang ahli tentang hal2 wanita.

Dia bertemu dengan Marion (Hawn) yang jelita siapa yang deng rasaian sedih memberitahu-nya Jimmy teman lelaki-nya mempunyai orang teman wanita yang lain. Marion tidak ada mempunyai temp tok tinggal Danvers mengajak-nya tinggal bersama-nya.

Pada mula-nya, dia tidak merana kerana terpaksa tidur di-atas bangku rasakan masakan biasa Marion. Tapi dia mengajak Marion pergi ka-Perancis sama-nya, dia telah di-pukau oleh-nya.



PENGHULU Mukim Lumapas Tuan Haji Abbas dan Ketua Kampung Lumapas Tuan Haji Khamis menerangkan usaha2 memajukan kampung mereka dalam rancangan Dari Kampung Ka-Kampung. Rancangan ini di-siarkan pada tiap2 hari Khamis jam 9.30 pagi.



Dergahayu Kebawah DYMM



GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menurunkan tanda-tangan ka-atas lembaran Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dengan United Kingdom yang berlangsung di-Pejabat Luar British di-London dalam bulan Oktober tahun lalu. Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komonwel, YAB Lord Goronwy Roberts menandatangani bagi pihak Kerajaan British.

Kelihatan juga dalam gambar menyaksikan upacara tersebut ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Penaschat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dan pegawai2 British.

D.Y.M.M. MEMENTINGKAN PEMBANGUNAN BANGSA BRUNEI

BRUNEI menghadapi perkembangan2 yang besar yang tertunjol amat jelas-nya dalam jangka sa-tahun dari sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan tahun lepas membawa kapada tahun ini yang akan mula di-ra'ikan pada hari Ahad ini.

Dengan berkat pimpinan Baginda yang mementingkan kebajikan yang di-redhai Allah, raayat negeri ini telah berhadapan dan berada di-dalam suasana berbagai pembaharuan atau pun sekurang2nya perubahan2 dalam lingkungan2 kehidupan mereka. Keseluruhan perubahan2 yang berhadapan dengan mereka itu di-sambut dengan penoh keriang dan keshukoran, kerana yang datang itu ada-lah untuk kebahagiaan mereka.

Selaku sa-orang Raja dan kepala pemerintah, Baginda Yang Dipertuan menumpukan minat yang besar dalam membentok Brunei sa-bagai sa-buah negara yang bukan saja kekal dengan kestabilan kemakmoran-nya, bahkan juga tetap utuh dalam keadaan aman tenteram, raayat hidup bahagia, rukun dan damai.

Atas minat Baginda yang besar itu, maka sa-suatu ranchangan yang berfaedah untuk negara dan raayat akan pasti diperkenankan oleh Baginda menurut ketutamaan-nya, kerana Baginda ada-lah menginginkan agar raayat dan penduduk negeri ini benar2 dapat mengechap nikmat2 hidup yang memberi erti kapada pembangunan bangsa Brunei sendiri.

Pembangunan bangsa Brunei dalam semua bidang itu, di-rasakan oleh Baginda


lebih penting sa-bagai persiapan menem-poh dan mengisi kemerdekaan yang akan di-chapai. Mengenai hasrat kemerdekaan itu Baginda menitahkan bahawa kemerdekaan itu di-kehendaki ujud dengan ketulinan dan kedaulatan-nya.

Ketulinan yang di-titahkan oleh Baginda itu sudah barang tentu meng-inginkan bahawa kemerdekaan itu ada-lah dalam bentuk suci dan tidak akan di-chemari oleh sebarang perkara yang menimbulkan kejahatan, bahaya dan malapetaka.

Ketulinan itu juga membawa erti bahawa teraju pemerintahan Brunei biarlah di-pegang oleh anak2 Brunei sendiri dan terhindar daripada sebarang gugatan. Dari sudut ini ada-lah amat perlu bagi anak2 Brunei sendiri melengkapkan diri dalam bidang2 ilmu pengetahuan dan kejuruan yang di-perlukan dalam menerajukan pemerintahan Brunei yang akan merdeka empat tahun lagi.

"Ada-lah hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk mempesatkan lagi dengan sa-berapa awal yang boleh pada menghantar penuntut2 ka-seberang laut dan latehan anak2 tempatan yang berkebolehan lagi jujur, taat dan berkesetiaan yang tidak berbelah bahagi pada mengelolakan usaha kerana Allah menyandang jawatan2 yang afidhal lagi mustahak untuk mereka memperolehi berjenis2 pengalaman dan kecekapan yang di-perlukan pada menjalankan dengan lichen lagi terator jentera pentadbiran sa-buah negara yang benar2 merdeka supaya kemerdekaan

Lihat Muka 10



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 26hb Jun yang lalu telah berangkat ka-Champion Field, kira2 20 batu di-luar Pantai Brunei untuk mengistiharkan nama Tender Penggalan 'TENAGA'.

Upacara pada hari itu telah di-sifatkan sa-bagai satu peristiwa penting dalam penghasilan minyak di-negeri ini, kerana ia-nya di-lakukan sempena genap 50 tahun telaga minyak Brunei mengeluarkan hasil-nya.

Gambar atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan ketika di-junjong berangkat melawat ka-beberapa bahagian Tender penggalan 'TENAGA' itu.

KA-ARAH KEMERDEKAAN YANG DI-HAJATKAN

Dari Muka 9

an Negeri Brunei itu bukan hanya dari segi nama atau sebutan sahaja, akan tetapi dengan izin Allah benar2 merdeka yang tulen yang akan memberikan bukan sahaja kebanggaan dan kemegahan akan tetapi yang lebih2 mustahak lagi ia-lah kemerdekaan yang akan menjamin keselamatan dan ketenteraman serta kemakmoran dan kebahagiaan yang berkekalan kepada negara, rakyat dan penduduk dan segala isi di-dalam-nya", demikian antara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari Singgahsana Lapau dalam sambutan Hari Keputeraan Baginda tahun lepas.

Titah "merdeka bukan hanya dari segi nama atau sebutan sahaja" itu perlu benar mendapat perhatian yang sa-mesti-nya dalam menyedari hakikat2 yang berada di-sebalek hikmat perkataan itu. Tentu-nya kemerdekaan yang di-hajatkan itu ada-lah dalam bentuk yang murni yang mengekalkan rakyat hidup bahagia, sementara negara bukan saja maju dalam semua bidang, bahkan tetap kekal dengan suasana yang aman lagi tenteram.

Apa-kah perkara yang penting dalam mendukung hasrat tersebut? Apa yang jelas untuk tujuan ini ia-lah bidang kerjasama dan perpaduan. Kerjasama dan perpaduan dalam mendukung chita2 yang murni itu perlu ujud dalam sa-tiap usaha yang di-lakukan, terutama usaha2 dalam mengembang-luaskan bidang2 perekonomian negara yang lahir dari kemampuan rakyat yang bakal mencapai kemerdekaan itu.

Untuk gerakan2 yang demikian itu pula ada-lah memerlukan jaminan2 dari segi keselamatan agar ia-nya tetap terpelihara, kerana jika aspek keselamatan itu terpelihara dengan baik, maka segala usaha2 untuk tujuan2 yang berkebakikan

itu akan dapat berjalan lancar dan hasilnya dapat di-nekmati oleh rakyat dengan sempurna-nya.

Ka-arrah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan dalam titah Baginda itu tentang betapa mustahak-nya bagi kita di-Negeri Brunei ini supaya bersatu-padu dan melipat-gandakan usaha serta kerjasama ka-arrah yang berkebakikan supaya keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan Negeri Brunei itu dengan izin Allah akan sentiasa terpelihara.

Demikian harapan Baginda Yang Dipertuan kepada rakyat dan penduduk negeri ini seluruh-nya agar hasrat yang demikian itu akan dapat di-tunaikan.

HUBONGAN LUAR BRUNEI

Walau pun Baginda Yang Dipertuan telah memandang berat akan hal-ehwal dalam negeri, Baginda sama sekali tidak mengabaikan tentang hubungan2 luar negara kita, malah Baginda akan tetap menghormati kepada siapa saja yang berniat baik terhadap Brunei.

Hubongan Brunei dengan Great Britain yang sa-lama ini memang terjalin rapat akan terus di-pelihara dengan sa-baik2-nya. Ini bukan saja kerana terjalin-nya perjanjian demi perjanjian sehingga membawa kepada kemerdekaan Brunei sa-penoh-nya itu, akan tetapi adalah pada mengingati jasa baik Kerajaan Baginda Queen yang telah banyak memberikan sumbangan2 untuk kemajuan Brunei.

Di-bawah pemerintahan Baginda Yang Dipertuan, Brunei juga telah menunjukkan minat yang besar pada mengalu2kan keinginan negara2 jiran untuk berhubung baik dengan Brunei.

Lihat Muka 12



LAT DULI TUAN PATEK



DI-SAMPING kesebukan2 dalam melaksanakan urusan2 negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga dapat meluangkan masa Baginda dengan kegiatan2 sokan. Bermain Polo ada-lah antara lapangan sokan yang paling Baginda gemari. Baginda mengepalai pasukan Baginda di-perlawanan2 Polo antarabangsa. Pasukan Baginda telah menjadi juara Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei dua tahun berturut-turut.

Dalam bulan Februari lalu, pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menggondol empat kejuaraan dalam perlawanan Polo yang terbesar pernah di-adakan di-negeri ini. Dalam perlawanan2 itu, empat buah pasukan dari luar negeri termasuk pasukan Diraja Pahang yang di-ketuai oleh Sultan Pahang sendiri, Tengku Haji Ahmad Shah ibni Sultan Abu Bakar, telah menyertai perlawanan tersebut.

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan lain2 Kerabat Diraja bergambar ramai sa-telah Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali kedua yang di-adakan dalam bulan Februari lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menerima ucapan tahniah dari ketua2 negara di-Asia Tenggara, atas tercapai-nya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dan United Kingdom yang di-tanda-tangani pada 7hb Januari lalu. Gambar atas kanan kelihatan Baginda Yang Dipertuan sedang menerima utusan ucap tahniah dari DYMM Paduka Seri Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia yang di-sembahkan oleh Menteri Luar Malaysia, Y.B. Tengku Ahmad Rithauddeen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika menerima mengadap Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dalam rangka lawatan singkat beliau ka-sini dalam bulan April lalu (gambar paling kiri). Gambar kiri pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan berangkat untuk memeriksa perbarisan sempena Hari Keputeraan Baginda pada tahun lalu sementara gambar di-sebelah kanan pula kelihatan Ketua Pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan Maulud diperkenalkan kepada Baginda Yang Dipertuan.



PERKEMBANGAN2 PESAT BERKAT PIMPINAN BAGINDA

Dari Muka 10

Berikutan dengan sempurna-nya Istiadat Menanda-tangani Perjanjian kemerdekaan Brunei itu di-London, Brunei telah menerima ucapan2 tahniah atas kejayaan itu, malah Baginda Yang Dipertuan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan Yang Berhormat Menteri Luar Malaysia, Tengku Ahmad Rithaudeen untuk mengadapkan sa-chara rasmi sembah2 ucapan tahniah Singapura dan Malaysia itu.

SUMBER EKONOMI

Berbalek kepada hal-ehwal dalam negeri, Baginda Yang Dipertuan sentiasa menumpukan perhatian dalam berbagai2 bidang perkembangan ekonomi dan sosial dan untuk itu, Baginda sering kali berangkat untuk menyaksikan sendiri akan perkembangan2 yang terdapat di-sekitar tanah ayer.

Minyak yang menjadi sumber ekonomi negara yang penting sudah barang tentu mendapat perhatian yang utama dari Baginda dan pada 26hb Jun yang lalu Baginda telah berangkat ka-Champion Field, 20 batu di-luar Pantai Brunei untuk mengisytiharkan nama Tender Penggalian "Tenaga" yang di-anggap sebagai satu peristiwa penting, kerana sempena genap 50 tahun telaga minyak Brunei mengeluarkan hasil-nya.

Brunei, dalam bulan Oktober 1978 telah mempunyai jumlah penduduk lebih dari 200 ribu orang dan sa-iring dengan itu juga Brunei mengalami kemajuan dalam bidang ekonomi dengan pertambahan pendapatan perdagangan luar-nya yang berpunca dari hasil minyak mentah, gas asli dan hasil lain dari minyak petroleum.

Ranchangan Pertanian ada-lah semakin pesat dan beberapa usaha untuk mengesankan penghasilan pertanian ini telah berjalan dengan baik-nya. Anak2 muda yang berkecenderongan dalam bidang usaha2 bertani mendapat didekan khusus di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut yang di-harapkan akan membuka usaha2 mereka sendiri dengan kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan.

Penghasilan padi ada-lah antara ranchangan yang terbesar dan beberapa projek padi telah pun di-lancarkan dengan harapan ia-nya akan dapat menampung keperluan negara dan mengurangkan kadar jumlah beras yang di-tempah dari luar.

Perkembangan negara juga semakin membesar dan beberapa keperluan dan kemudahan raayat telah semakin meningkat maju. Sistem perhubungan mengalami pembaikan2 untuk memenohi kehendak2 perhubungan chepat di-zaman moden ini.

Bidang2 pelajaran termasuk ke-ugamaan mengambil tempat yang wajar dengan perkembangan2 maju-nya. Kerajaan Baginda menyediakan peruntukan yang besar untuk memesatkan lagi perkembangan pelajaran di-negeri ini dengan pertambahan bilangan sekolah dan memperbaiki taraf pengajian2 tinggi di-negeri ini seperti lapangan perguruan, kejuruan dan bidang2 pengetahuan akademik yang lain.

PERKEMBANGAN UGAMA

Sa-bagai sa-orang Raja yang berminat besar untuk memperkembang-luaskan shi'ar Ugama Islam, Baginda Yang Dipertuan sering kali memperingatkan raayat dan penduduk negeri ini supaya

memelihara kesucian dan kemuliaan sa-bagai raayat yang mengamalkan dasar2 Islam. Sa-tiap langkah yang di-usahakan oleh raayat Islam khusus-nya hendak-lah tidak menjejaskan imej Ugama Islam itu.

Di-bawah pemerentahan Baginda, kemajuan perkembangan Ugama Islam ada-lah amat jelas bukan saja dengan terdiri-nya beberapa pusat pengajian yang bermutu tinggi, tetapi juga dengan melalui ranchangan2 dakwah Islamiah, shi'ar Islam memberikan kesan yang amat menggalakkan hingga ka-kawasan2 pendalaman negeri ini. Semakin ramai raayat Islam di-negeri ini mengusahakan kegiatan2 untuk mendalami pengetahuan2 Ugama Islam dengan mengadakan kelas2 untuk mempelajari dan membimbing berbagai pengetahuan keugamaan. Sunggohpun mesjid2 telah banyak didirikan di-negeri ini, tetapi maseh ada mesjid2 yang tidak dapat memuat jema'ah ketika menunaikan sembahyang fardhu Juma'at, kerana pertumbuhan raayat Islam terutama-nya di-kalangan belia2 yang menyedari hidup beragama ada-lah semakin pesat. Kesedaran beragama itu semakin kuat ada-lah berkat pimpinan Baginda Yang Dipertuan dan Kerabat2 Diraja dengan melibatkan diri sa-chara langsung dalam kegiatan2 keugamaan seperti Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an, sambutan Isra' Me'raj dan sambutan Mauludun Nabi, malah Istana Darul-Hana sentiasa digemai oleh kegiatan2 keugamaan itu.

Maka itu, shi'ar Islam di-Brunei tidak saja ujud pada pandangan mata kasar, tetapi yang penting ia-nya semakin bertapak dalam semangat dan pertumbuhan rohani raayat. Kerana itu, pelawat2 dari luar kebanyakan-nya mensifatkan Brunei sa-bagai sa-buah negara di-Asia yang dapat dilihat Islam berkembang pesat dan utoh.


YANG DI-GEMARI BAGINDA

Di-samping kesebukan2 dalam melaksanakan urusan2 negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga dapat menyelitkan waktu2 Baginda berehat dengan mengisikan masa lapang itu dengan kegiatan2 sokan. Bermain Polo ada-lah antara lapangan sokan yang paling digemari oleh Baginda dan mengepalai pasukan Polo Negeri Brunei di-perlawanan2 antara bangsa. Pasukan Polo Baginda sering kali muncih sa-bagai juara. Perlawanan Polo yang terbesar pernah di-adakan ia-lah dalam bulan Februari yang lalu dalam mana pasukan Negeri Brunei yang di-kepalai oleh Baginda telah berjaya menggundol empat kejuaraan.

Turut mengambil bahagian dalam perlawanan itu ia-lah Pasukan Diraja Pahang yang di-ketuai sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Pahang sendiri, Tengku Haji Ahmad Shah ibni Sultan Abu Bakar yang pada masa ini menjadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Di-samping itu, mendampingi raayat sa-chara dekat ada-lah menjadi kesukaan Baginda dan untuk tujuan itu, Baginda Yang Dipertuan sering kali berangkat ka-kampung2 dan meninjau perkembangan2 di-sekitar perkampungan sa-lain dari beramah-mesra dengan penduduk2 kampung2 yang di-lawati Baginda itu.

Baginda Yang Dipertuan sering kali menasehatkan raayat supaya mengamalkan dasar hidup rukun damai dan menghadapi sa-suatu kemuskilan itu melalui saloran2 yang sehat untuk tujuan2 memperbaiki-nya.



GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berbual-bual dengan salah sa-orang tentera Gurkha dari pasukan pengawal yang mengalu2kan keberangkatan Baginda ka-Markas Gurkha di-Seria dalam bulan Mach tahun ini.

Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dengan United Kingdom telah di-meterai dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Lapau pada 7hb Januari tahun ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menandatangani perjanjian tersebut manakala Menteri British bagi Hal Ehwal Luar dan Komonwel, YAB Lord Goronwy Roberts menanda-tangani bagi pihak Kerajaan British (gambar kiri).

SA-BAGAI sa-orang Raja yang suka berdamping rapat dengan raayat Baginda Yang Dipertuan sering berangkat melawat ka-kampung2 di-luar bandar. Gambar bawah kelihatan Baginda beramah mesra dengan penduduk2 Kampung Batu Marang ia-itu salah sa-buah kampung yang di-lawati oleh Baginda pada tahun lalu.





Dokumentari: Exploration and Adventure

RANCHANGAN minggu ini "Land of Mist and Fire" ada-lah sa-buah filem renchana yang memperlihatkan Ayer Batu Patagonia di-Selatan Amerika. Sa-buah shorga kepada sa-orang penjelajah — tempat yang terpencil, tidak diketahui ramai, penuh dengan chabaran dan menarek dengan hawa-nya yang paling garang di-dunia.

Kemunchak yang baru di-temui, di-daki dan di-beri nama buat pertama kali. Sa-buah gunung berapi yang memunchak melalui ayer batu itu juga telah di-daki dan di-dapati maseh lagi aktif. Sa-lepas menghabiskan masa sa-bulan di-dunia ayer batu yang menarek ini, rombongan itu kembali dengan menemui keuntongan yang kecil melalui hablor dalam perjalanan mereka.

Gambar bawah : Kawasan Ayer Batu yang terletak di-tepian Selatan Amerika ada-lah perkara yang di-paparkan dalam filem dokumentari minggu ini.

Jangan lupa untuk menyaksikan filem menarek ini pada hari Selasa 17hb Julai.

Botanic Man: Extinction is Forever

IMBANGAN alam semula-jadi ada-lah tepat, dan kadangkala tidak tentu. Terletak di-Lautan India di-Perayeran Aldabra, kura2 berukoran besar ada-lah menjadi perkara penting dalam tayanangan kali ini. Sa-kumpulan kura2 ini ada-lah terbatas kepada sa-buah pulau kecil dan yang berani di-antara mereka untuk menjadi 'perintis2 perkembangan' ia-lah mereka yang berusaha untuk menchari makanan pada jarak yang paling jauh dan besar kemungkinan akan menchari kematian sa-bagai balasan kepada hasrat mereka untuk membuat kawasan halaman baru.

Perjalanan mereka ini ada-lah yang

paling panjang untuk kembali karimbunan hutan dan panas matahari akan sentiasa mengatasi mereka. Ia merupakan sa-buah pengajaran yang kasar dan walau pun kura2 ini maseh tetap tidak berubah dalam masa berjuta tahun kebelakangan ini, mereka telah memenohi undang2 perkembangan yang pertama — kehidupan ini ada-lah melebihi dari apa yang telah di-katakan dalam dongeng 'Dodo' — penghuni yang telah mati di-kepulauan Mauritius yang berhampiran.

Ia-nya telah menjadi tidak bermaya di-pulau tempat-nya sendiri dan bila pernafasan manusia telah berselelah-faham dengan-nya, ia telah gagal untuk meneruskan penghidupan. Tapi manusia barangkali telah memenohi peranan perkembangan-nya dengan membuat pembahagian untuk diri-nya sendiri yang telah mematikan 'Dodo'.

WHAT are the makings of a good doctor ?

Dr Haji Hussain bin Haji Daud will air his views on this among his other experiences in tomorrow's edition of **BRUNEI GRADUATES** tomorrow at 12.45 pm. or tune in to it's repeat broadcast on Sunday, 15th July at 8.00 pm.

Picture shows Dr Haji Hussain examining one of his patients.




DUA buah siri baru akan mula di-tayangkan minggu depan. Gambar kiri ia-lah salah satu adegan dari siri baru — "Black Sheep Squadron". Cherita yang mengesahkan tentang kehidupan tentera udara itu akan di-tayangkan pada tiap2 hari Isnin mulai 16hb Julai.

Siri ini ia-lah merupakan sambongan dari "Baa Baa Black Sheep" yang di-tayangkan di-RTB beberapa waktu yang lalu.

Robert Conrad memainkan peranan sa-bagai Pappy Boyington siapa dalam siri minggu depan dalam kesusahan kerana lapangan terbang mereka sudah tidak berguna lagi kerana telah di-letopkan oleh pihak musuh. Kakitangan2-nya enggan untuk membaiki tempat itu sa-hingga Pappy berjanji kepada mereka untuk mendapat tempat duduk di-barisan depan untuk menyaksikan persembahan oleh empat orang jururawat2 yang jelita.

Gambar bawah pula ia-lah Robert Urich bintang yang menghidupkan watak Dan Tanna dalam siri yang berjudul "Vegas" yang juga akan di-mulakan pada hari Isnin 16hb Julai.

Penyiasatan yang di-lakukan oleh Tanna ini ada-lah satu chara yang baru, kacak dan mempunyai persamaan chara dengan yang telah di-tunjukkan oleh James Bond.



Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 —

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masyarakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 —

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristawa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwar radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 —

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda;

10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristawa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untuk fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untuk fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 —

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Ruangan Bertutoran. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 —

Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI:** 12.00 — Sandiwar radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun — Azan asar; 3.46 — Mengenang Zaman Silam; 4.00 — Arena Sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintar radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib; di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masyarakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristawa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusa-

haan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran ramaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristawa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandung ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untuk fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Melody Time. **PM:** 12.00 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Ready to Roll introduced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakup; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 Dr. Finlays; 10.00 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon... we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON:** 12.00 — My Music. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Blowing in the Wind produced by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak Hishamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening

Announcement — Rock Line; 11.15 — My Word; 11.45 — Light Music From Netherland. **NOON:** 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Stars And Steel Guitar; 1.00 — Free Time by Jaafar Yaakup; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word (repeat); 8.30 — Sheikh Abbas calling on you; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.

SATURDAY

